

## **AKAUNTABILITI PENDEDAHAN MAKLUMAT DALAM INSTITUSI ZAKAT: ANALISIS LITERATUR**

*(Accountability of Information Disclosure in Zakat Institutions: Literature  
Analysis)*

**Siti Noorbiah Md Rejab<sup>1\*</sup>**

**Hairunnizam Wahid<sup>2</sup>**

**Salmy Edawaty Yaacob<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>*Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi & Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam Selangor*

<sup>2</sup>*Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor*

<sup>3</sup>*Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor*

\*Corresponding author (Email: [sitinoorbiah@uitm.edu.my](mailto:sitinoorbiah@uitm.edu.my))

Received: 30 August 2021, Reviewed: 10 September 2021, Published: 30 September 2021

---

**Abstrak:** Institusi zakat dilihat semakin berkembang dari segi kutipan dan agihan serta pelbagai program bagi meningkatkan keupayaan asnaf selari dengan kemajuan negara. Namun tidak dapat dinafikan terdapat pelbagai persepsi negatif masyarakat terhadap institusi zakat antaranya pencapaian kutipan yang tidak seimbang, ketidaksamaan agihan, kepercayaan masyarakat dan pelbagai lagi tanggapan yang kurang menyenangkan dari pihak berkepentingan. Justeru, selaras dengan persepsi masyarakat terhadap institusi zakat, objektif kajian ini adalah untuk melihat akauntabiliti pendedahan maklumat dalam institusi zakat analisis literatur. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian. Diharapkan kajian dapat memberi input kepada pihak berkepentingan dan secara tidak langsung meningkatkan kepercayaan dan kepuasan terhadap institusi zakat di Malaysia. Kajian ini juga boleh menjadi rujukan kepada institusi zakat dan seterusnya kepada pihak akademi dan pengkaji di masa depan dalam meningkatkan akauntabiliti institusi zakat Malaysia.

**Katakunci:** Akauntabiliti, Institusi Zakat, Maklumat Kewangan, Pendedahan, Prestasi

**Abstract:** Zakat institutions are seen to be growing in terms of collection and distribution as well as various programs to increase the capacity of asnaf in line with the country's progress. However, there is no denying that there are various negative perceptions of the community towards the zakat institution, including the achievement of unbalanced collection, unequal distribution, community trust and various other unpleasant perceptions from stakeholders. Thus, in line with the community's perception of zakat institutions, the objective of this study is to look at the accountability of information disclosure in zakat institutions literature analysis. This study is qualitative in nature using documentation and observation methods. It is hoped that the study can provide input to stakeholders and indirectly increase trust and satisfaction with zakat institutions in Malaysia. This study can also be a reference to zakat institutions and

*further to the academy and researchers in the future in improving the accountability of Malaysian zakat institutions.*

**Keywords: Accountability, Zakat Institutions, Financial Information, Disclosure, Performance**

## PENDAHULUAN

Akauntabiliti merupakan salah satu syarat utama dalam tadbir urus yang baik. *Kamus Dewan* (2007) mentakrifkan akauntabiliti sebagai sifat tanggungjawab kepada seseorang atau terhadap sesuatu tindakan, keputusan serta bersedia memberikan penjelasan dan justifikasi yang diperlukan. Ia juga merujuk kepada satu kewajipan individu atau organisasi yang diamanahkan dengan tanggungjawab dan seterusnya menjelaskan tindakan mereka kepada individu atau organisasi yang memberi tanggungjawab (Gray & Jenkins, 1993).

Dari sudut ekonomi moden, ia dilihat elemen penting untuk kesejahteraan sosial warganegara di sesebuah negara dan dianggap sebagai tonggak penting bagi pandangan masyarakat. Selain memberi jaminan kepada orang awam, ia juga sebagai bukti tiada penyalahgunaan dalam sistem pentadbiran. Manakala dari perspektif Islam akauntabiliti bersifat menyeluruh (Roszaini & Mohammad Abdullah, 2011) kerana melibatkan pelbagai penyertaan pihak berkepentingan iaitu akauntabiliti kepada Allah SWT, dan juga masyarakat (Abdullah et al., 2018; Shahul Hameed, 2000).

Kepentingannya tidak dapat dinafikan lagi samaada di peringkat kerajaan atau swasta kerana ia melambangkan ketelusan dan amanah kepercayaan masyarakat terutama dari aspek kewangan. Keadaan ini selaras dengan prinsip Islam dalam menekankan amalan dan perbuatan yang tiada keraguan sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“...Milik Allah-lah yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Jika kamu menyatakan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu sembunyikan, nescaya Allah menghitungnya (tentang perbuatan itu) bagimu. Dia mengampuni sesiapa yang Dia kehendaki dan mengazab sesiapa yang Dia kehendaki. Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu...”*

(al-Baqarah: Ayat 284)

Dalam konteks institusi zakat, akauntabiliti bermaksud tanggungjawab institusi dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya. Sebagai institusi pemegang amanah yang besar, maka konsep akauntabiliti dipandang dan dinilai terutamanya dari aspek pengagihan zakat agar edaran sampai kepada lapan kategori asnaf yang ditetapkan sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“...Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang fakir, miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk memerdekakan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajipan kepada Allah. Allah Maha Megetahui, Maha Bijaksana...”*

(al-Taubah: Ayat 60)

Institusi zakat merupakan organisasi bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan untuk menguruskan kutipan dan agihan dana zakat (Noor Fadzilah, Ruhanita, & Norida, 2016).

Selain menjadi pemerhatian oleh pihak berkepentingan, ia juga penyumbang utama dalam meningkatkan status sosio ekonomi negara serta menghapuskan jurang kemiskinan terutamanya di kalangan masyarakat Islam (Patmawati, 2008). Namun sebagai sebuah institusi yang menguruskan dana awam, institusi zakat tidak terlepas daripada pandangan negatif masyarakat antaranya keyakinan yang rendah serta persepsi negatif terhadap kecekapan institusi zakat sering dipertikaikan sehingga menyebabkan ramai golongan pembayar enggan membayar zakat atau terus membayar kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat sebagai pengantara (Azman, Mohammad, & Syed Mohd Najib, 2012; Hairunnizam, Sanep, & Radiah, 2009; Md Hairi, Kamil, & Ram Al Jaffri, 2012; Patmawati, 2008).

Selain itu, kajian lepas mendapati zakat tidak diagihkan secara efektif oleh institusi zakat (Ram Al Jaffri, 2018) dan ini menyebabkan hilang kepercayaan terhadap institusi zakat (Abdul Halim, Muhammad Firdaus, Noorzakry, Azhana, & Zunaidah, 2019; Ahmad Aizuddin & Krishnan, 2016; Azman, 2012; Krishnan & Ahmad Aizuddin, 2017; Norazlina & Abdul Rahim, 2012; Norazlina & Abdul Rahim, 2015). Kajian lepas juga banyak perbincangan dari aspek keberkesanan dan kecekapan institusi zakat (Ahmad Aizuddin & Krishnan, 2016; Eza Ellany, Mohd Rizal, & Mohamat Sabri, 2014; Hairunnizam, Sanep, Mohd Ali, & Rashid, 2017; Md Hairi, 2017; Md Hairi et al., 2012; Pg Mohd Faezul Fikri, Hairunnizam, & Mohd Ali, 2017) serta berkaitan Maqasid Syariah (Ahmad Shukri & Rosli, 2021; Ataina & Achmad, 2019; Azman, 2019; Can, 2020).

Terkini isu berkaitan prestasi sentiasa dilakukan oleh para pengkaji kerana keperluannya yang sangat ketara kepada umat Islam (Noor Fadzilah et al., 2016; Nur Mohamad, 2017) dan juga beberapa pendedahan maklumat kewangan dalam memastikan akauntabiliti (Hairunnizam, Mohd Fairuz, et al., 2018; Mohd Fadhli & Hairunnizam, 2018; Mohd Fairuz et al., 2016; Norfaiezah et al., 2020a). Walaupun begitu kajian berkaitan akauntabiliti masih lagi kurang dan sangat terhad bagi menangkis persepsi negatif masyarakat terhadap institusi zakat.

Justeru, penulisan ini cuba untuk meneroka serta menganalisis isu-isu terbaru dan dapatan daripada pengkaji-pengkaji lepas berkaitan akauntabiliti pendedahan maklumat dalam institusi zakat dari segi literatur. Hal ini bertujuan sebagai rujukan dan kajian lanjutan oleh pengkaji di masa depan berkaitan zakat.

## **KAJIAN LEPAS**

Institusi zakat merupakan sebuah organisasi yang mengurus dana yang besar tetapi bukan berasaskan keuntungan. Bagi menzahirkan institusi yang melambangkan ketelusan dan kepercayaan yang tinggi di kalangan pihak berkepentingan, maka pebagai bentuk maklumat pendedahan perlu dilaporkan bagi melihat akauntabiliti.

Kajian berkenaan kepercayaan dan keberkesanan terhadap institusi zakat bukan satu isu baru di Malaysia dan beberapa kajian berkaitan telah pun dilakukan. Hafizah (2017), tiga faktor penentu kepercayaan terhadap institusi zakat di kalangan pihak berkepentingan ialah kepuasan agihan, sikap dan reputasi. Manakala Ram Al Jaffri (2018), bagi meningkatkan kepercayaan prestasi kutipan dan kecekapan agihan analisis terperinci terhadap data kewangan yang telah dilapor dan diaudit perlu dijelaskan dengan terang agar akauntabiliti institusi zakat dapat difahami oleh masyarakat.

Kajian lanjutan berkaitan pendedahan maklumat kewangan untuk melihat akauntabiliti dalam institusi zakat seterusnya banyak dikaji oleh pengkaji lepas (Mohd Fadhli &

Hairunnizam, 2018; Mohd Fairuz et al., 2016; Noor Fadzilah et al., 2016; Roshaliza, Nurul Nurhidayatie, Muhammad Faris, & Muhsin, 2016; Saunah, Ruhaya, & Wah, 2014). Menurut Mohd Fadhli & Hairunnizam (2018), terdapat perbezaan pelaporan dalam penyata kewangan maklumat zakat di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Begitu juga terdapat beberapa cadangan oleh kajian lain kepada perlunya pendedahan pelaporan maklumat kewangan antaranya (Hairunnizam, Mohd Fairuz, et al., 2018; Hairunnizam, Mohd Fairuz, et al., 2018; Mohd Fairuz et al., 2016; Mohd Suffian, Mohd Ali, & Hairunnizam, 2018). Pendedahan ini penting bagi menzahirkan akauntabiliti institusi zakat sebagai sebuah pemegang amanah dan pengurus dana yang besar. Pendedahan maklumat yang lengkap melalui penyata kewangan secara tidak langsung akan memberi keyakinan dan kepercayaan pihak berkepentingan untuk mengetahui aktiviti dan prestasi institusi zakat (Norli, Jamaliah, Normah, & Rashidah, 2012; Saunah et al., 2014).

Disamping itu walau pun penyata kewangan ini telah disediakan oleh institusi zakat, namun masih terdapat keraguan oleh pembayar zakat terhadapnya kerana maklumat kewangan yang dilaporkan adalah tidak lengkap dan tidak dikemaskini (Raedah, Sherliza, & Siti Normala, 2017). Selain itu, keseluruhan maklumat yang dilaporkan oleh organisasi yang bukan berasaskan keuntungan agak lemah di mana pendedahan maklumat bukan kewangan adalah tinggi berbanding dengan maklumat kewangan (Nurfarahin, Roshayani, & Nur Farahah, 2016).

Norfaiezah et al. (2020a), laporan kewangan yang relevan dan boleh dipercayai merupakan salah satu media komunikasi bagi menyampaikan maklumat kepada pihak berkepentingan dalam membuat keputusan dan menunjukkan ketelusan, kecekapan serta akauntabiliti dalam institusi zakat.

Seterusnya bagi menggambarkan akauntabiliti dalam institusi zakat, pendedahan pelaporan maklumat yang selari dengan Maqasid Syariah juga boleh digunakan dalam menjaga kepentingan agama dan manusia keseluruhannya. Pendedahan tersebut boleh dikategorikan mengikut tahap daruriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat (Mohd Fairuz et al., 2016).

Menurut Noor Fadzilah et al. (2016) kepentingan pelaporan prestasi perlu dikemukakan kepada pemegang kepentingan dalam membuktikan akauntabiliti institusi zakat sama ada dari sudut kutipan dan agihan. Pelaporan prestasi digunakan untuk menyalurkan maklumat prestasi di mana terdapat tiga parameter iaitu sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan atau pemegang kepentingan, prestasi masa lalu dengan menggunakan analisis tren menaik atau menurun dan penanda aras pada industri. Pandangan ini disokong oleh (Grosso & Ryzin, 2011) iaitu laporan tahunan merupakan medium utama untuk menjelaskan akauntabiliti organisasi sektor awam kepada pihak berkepentingan.

Kecekapan pentadbiran juga memainkan peranan yang penting. Menurut Nur Mohamad (2017) bagi meningkatkan prestasi pengurusan zakat, pentadbiran yang tersusun, professional, telus dan kerap perlu dilaksanakan. Dengan ini kelancaran sesuatu urusan berkaitan kutipan dan agihan dapat berlaku dengan lebih efisien.

Selain itu setiap pelaporan dan maklumat berkaitan kewangan perlu diedarkan secara menyeluruh, tidak hanya melibatkan organisasi dalaman sahaja. Ini bertepatan kajian oleh Roshaliza et al. (2016), laporan tahunan termasuk penyata kewangan hanya diedarkan dalam kalangan pengurusan institusi zakat sahaja dan tidak diedarkan kepada masyarakat awam, kecuali sekiranya ada permintaan.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pentingnya elemen akauntabiliti dipamerkan dalam institusi zakat, namun kajiannya agak terhad dan masih lagi di peringkat penilaian dan cadangan terutamanya di Malaysia. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi memberi penjelasan terhadap ketelusan, kepercayaan dan keyakinan dari pihak berkepentingan di masa depan.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah dokumentasi dan tinjauan bagi mendapat maklumat yang berkaitan dengan topik perbincangan. Ia melibatkan perbincangan analisis dengan menggunakan kaedah literatur di mana sumber rujukan utama diambil daripada artikel ilmiah, jurnal, buku laporan dan maklumat-maklumat di laman web. Seterusnya maklumat yang diperolehi dianalisis secara konseptual dengan menggunakan kaedah induktif bagi memenuhi objektif kajian.

## **KAJIAN DAN DAPATAN**

Hasil daripada pemerhatian dan tinjauan oleh pengkaji, terdapat beberapa maklumat yang boleh dijadikan rujukan dan panduan sama ada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak dalam pengurusan institusi zakat. Secara ringkas pengkaji telah menyimpulkan beberapa perkara penting berkaitan akauntabiliti pendedahan maklumat dalam institusi zakat seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Akauntabiliti Pendedahan Maklumat**

<b>Bil</b>	<b>Pengkaji</b>	<b>Dapatan Kajian berkait Item Pendedahan</b>
1.	Mohd Fadhli & Hairunnizam (2018)	Wujud ketidakseragaman pendedahan maklumat dari aspek struktur pengurusan zakat, penyata kutipan dan agihan serta pendedahan aset di dalam penyata kewangan di antara institusi zakat.
2.	Noor Fadzilah et al. (2016)	Penyata pendapatan dan perbelanjaan terperinci perlu di dedahkan di dalam pelaporan prestasi untuk pengetahuan pemegang kepentingan. Dengan ini membuktikan akauntabiliti dan kecekapan institusi zakat.
3.	Md Hairi et al. (2012)	Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dapat memberi keyakinan dan kepuasan hati pihak yang berkepentingan dalam institusi zakat.
4.	Saunah et al. (2014)	Pendedahan penyata kewangan sebagai instrumen penting dalam melaksanakan akauntabiliti.
5.	Mohd Fairuz et al. (2016)	Pendedahan maklumat pelaporan kewangan berdasarkan maqasid Syariah adalah penting bagi menzahirkan akauntabiliti.
6.	Norfaiezah et al. (2020)	Sembilan item pendedahan penyata kewangan yang dikaji iaitu penyata kewangan berasingan, peristiwa selepas tarikh pelaporan, pendedahan pihak berkaitan, pendedahan maklumat kewangan tentang sektor am kerajaan, pembentangan maklumat bajet dalam penyata kewangan, penyata kewangan disatukan, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama, pengaturan bersama

- dan pendedahan kepentingan dalam entiti lain. Dari item ini tiada mana-mana MAIN yang membuat pendedahan maklumat kewangan berkaitan sektor am kerajaan dan pengurusan bersama.
7. Mohd Fairuz et al. (2016) Mencadangkan 156 item pelaporan pendedahan bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal dengan mengaplikasikan Maqasid Syariah dalam setiap pelaporan.
  8. Raedah et al. (2017) Kutipan dan agihan zakat perlu dilaporkan secara terperinci dalam laporan tahunan. Selain itu bukan sahaja maklumat kewangan, malah maklumat bukan kewangan juga dicadangkan untuk pendedahan bagi menangani isu akauntabiliti dalam institusi zakat.
  9. Sheila Nu Nu & Syed Ahmed (2014) Tujuh kategori diukur dari segi akauntabiliti iaitu polisi perakaunan dan perubahan, lembaga pemegang amanah, pengurusan risiko, kenyataan tentang kawalan dalaman, intipati penting, pendedahan kutipan dan agihan zakat dan terakhir penyata aliran tunai perlu didedahkan dan dipamerkan untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan.
  10. Suhaiza & Nur Barizah (2011) Maklumat berkaitan sumber diperolehi, penggunaan sumber-sumber dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan, penentuan terhadap barangan dan perkhidmatan dalam memenuhi piawaian, ukuran program dalam mencapai objektif yang ditetapkan serta kaedah pengukuran kepuasan pihak awam terhadap perkhidmatan yang disediakan kerajaan adalah faktor penting ke arah akauntabiliti.
  11. Mohd Suffian et al. (2018) Mencadangkan kodifikasi Akta Zakat Nasional bagi meningkatkan tahap pematuhan masyarakat Islam terhadap pembayaran zakat dan secara tidak langsung memberi kepercayaan kepada pihak berkepentingan terhadap institusi zakat sebagai sebuah organisasi yang mempunyai akauntabiliti.
  12. Hairunnizam, Mohd Fairuz, et al. (2018) Kerangka Syariah dicadangkan dari aspek kutipan dan agihan termasuk mendefinisikan takrifan konsep-konsep yang terdapat dalam pengurusan zakat agar tidak menimbulkan kekeliruan dan ketidakjelasan fahaman di pihak berkepentingan.

---

*Sumber: Dapatan kajian oleh penulis*

Merujuk kepada Jadual 1, pengkaji mendapati kajian terdahulu dan terkini banyak membincangkan berkaitan kepentingan pendedahan maklumat sama ada dari aspek kewangan dan bukan kewangan dalam pengukuran akauntabiliti. Setiap perkara atau item pendedahan merujuk kepada penyata kewangan dan berfokuskan prinsip Maqasid Syariah. Namun begitu, di era kemajuan sains dan teknologi dapatan kajian yang dinyatakan perlu dilihat dari pelbagai aspek. Ini kerana kita sedia maklum institusi zakat adalah pemegang dana awam yang besar dan sentiasa menjadi perhatian serta tumpuan oleh orang awam terutamanya. Oleh itu,

pendetailan perlu lebih ditekankan agar setiap maklumat atau laporan yang melibatkan aspek kewangan dipamer serta didedahkan dengan terang dan jelas. Perkara ini perlu dititikberatkan kerana ia melambangkan akauntabiliti institusi tersebut dalam menjalankan amanah. Justeru dengan pendedahan ini, secara tidak langsung akan meningkatkan keyakinan dan kepercayaan yang tinggi dari pihak berkepentingan terhadap institusi zakat.

## KESIMPULAN

Pelbagai usaha telah dijalankan dalam menonjolkan kecekapan dan keberkesanan dalam pentadbiran zakat. Selain berusaha memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pihak berkepentingan, institusi zakat sentiasa ke depan dan berfikiran positif dari pelbagai aspek, malah berjaya menyediakan perkhidmatan yang terbaik dari segi kutipan dan agihan dalam mempamerkan akauntabilitinya terhadap keberkesanan dan kecekapan institusi zakat sebagai sebuah organisasi yang melibatkan pengurusan kewangan yang besar. Selain sebagai pemegang amanah yang telus dan berakauntabiliti tinggi, ia bukan sahaja kepada masyarakat keseluruhan tetapi yang paling utama akauntabiliti kepada Allah SWT. Selaras dengan meningkatkan kepercayaan dan keyakinan dari pihak berkepentingan, maka kajian ini perlu diteruskan oleh pengkaji-pengkaji seterusnya untuk melihat kepentingan akauntabiliti dalam sesebuah institusi terutamanya institusi zakat di masa depan.

## RUJUKAN

- Abdul Halim, I., Muhammad Firdaus, T., Noorzakry, N. J., Azhana, O., & Zunaidah, A. H. (2019). Aplikasi Kerangka Kerja Tadbir Urus Syariah dalam Agensi Mengurus Zakat di Melaka. *Journal of fatwa Management and Research*, 17(2).
- Abdullah, A. G., Rohami, S., Md Suhaimi, M. S., Faisol, E., Zaleha, O., Nasri, N., . . . Sharofi, I. (2018). *Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia Fasa 2, Zon 2*. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- Ahmad Aizuddin, H., & Krishnan, A. R. (2016). *Measuring the Efficiency of Zakat Collection Process Using Data Envelopment Analysis*. Paper presented at the The 4th International Conference on Quantitative Sciences and Its Applications (ICOQSIA 2016).
- Ahmad Shukri, Y., & Rosli, M. (2021). Keperluan Pematuhan Indeks Al-Maqasid Syariah Bagi Institusi Zakat di Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(2), 105-122.
- Ataina, H., & Achmad, T. (2019). A Maqasid and Shariah Enterprises Theory-Based Performance Measurement for Zakat Institution. *International Journal of Zakat*, 4(2), 101-110.
- Azman, A. R. (2012). *Keengganan Membayar Zakat: Menurut Perspektif Syarak dan Perundangan Islam di Malaysia*. Penerbit USIM.
- Azman, A. R. (2019). Pengurusan Institusi Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). *Journal of fatwa Management and Research*, 17(2).
- Azman, A. R., Mohammad, H. A., & Syed Mohd Najib, S. O. (2012). Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues. *Global Journal al-Thaqafah*, 2(1), 35-41.
- Can, G. (2020). Does Sharia Compliance Affect Financial Reporting Quality? An Evidence from Muslim Majority Countries. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. doi:DOI 10.1108/IMEFM-04-2019-0149
- Eza Ellany, A. L., Mohd Rizal, P., & Mohamat Sabri, H. (2014). Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan di Kalangan Institusi Zakat Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 51-60. doi:DOI: 10.17576/jem-2014-4802-05

- Gray, A., & Jenkins, B. (1993). Codes of Accountability in the New Public Sector. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 6(3).
- Grosso, A. L., & Ryzin, G. G. V. (2011). How Citizens View Government Performance Reporting Result of a National Survey. *Public Performance and Management Review*, 35(2), 235-250.
- Hafizah, Z. (2017). *Penentu Kepercayaan Terhadap Institusi Zakat: Kajian Dalam Kalangan Pihak Berkepentingan di Negeri Kedah*. (PhD), Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Hairunnizam, W., Mohd Fairuz, M. S., Azlina, A., Norida, B., Azizah, M. H., & Ainol Basirah, A. W. (2018). *Perakaunan untuk Aset Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia: Satu Cadangan Kerangka Kerja Syariah*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke 13, Hotel Bangi, Putrajaya Selangor.
- Hairunnizam, W., Mohd Fairuz, M. S., Norida, B., Azlina, A., Azizah, H., & Ainol Basirah, A. W. (2018). Perakaunan Bagi Kutipan dan Agihan Zakat oleh Majlis Agama Islam Negeri: Satu Cadangan Kerangka Kerja Syariah. In A. R. Azman, A. R. Muhamad Firdaus, & A. T. Hussein Azeemi (Eds.), *Kutipan & Agihan Zakat Malaysia Baharu Isu, Cabaran dan Harapan* (Vol. Cetakan Pertama, pp. 113-131). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Hairunnizam, W., Sanep, A., Mohd Ali, M. N., & Rashid, M. A. (2017). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 51(2), 33-46. doi:http://dx.doi.org/10.17576/JEM-2017-5001-4
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Radiah, A. K. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krishnan, A. R., & Ahmad Aizuddin, H. (2017). *Evaluating the Efficiency of a Zakat Institution Over a Period of Time Using Data Envelopment Analysis*. Paper presented at the Proceedings of the 24th National Symposium on Mathematical Sciences.
- Md Hairi, M. H. (2017). *Zakat Institution's Governance In Malaysia: Zakat Payers' Perspective*. (PhD), Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Md Hairi, M. H., Kamil, M. I., & Ram Al Jaffri, S. (2012). Ketelusan Di Dalam Tadbir Urus Institusi Zakat. *Prosiding Seminar Isu-Isu Kontemporari Zakat di Malaysia*.
- Mohd Fadhli, K., & Hairunnizam, W. (2018). Perbezaan Pelaporan Maklumat Zakat Dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri: Kajian Terhadap Institusi Zakat di Malaysia. In A. R. Azman, A. R. Muhamad Firdaus, & A. T. Hussein Azeemi (Eds.), *Kutipan & Agihan Zakat Malaysia Baharu Isu, Cabaran dan Harapan* (Vol. Cetakan Pertama, pp. 217-230). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mohd Fairuz, M. S., Norida, B., Azlina, A., Azizah, H., Muhammad Arzim, N., & Hairunnizam, W. (2016). Cadangan Item Pendedahan Bagi Pelaporan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 6(1), 23-44.
- Mohd Suffian, M. E., Mohd Ali, M. N., & Hairunnizam, W. (2018). Cadangan Kodifikasi Akta Zakat Nasional dan Penubuhan Majlis Zakat Negara. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 153-165.
- Noor Fadzilah, S., Ruhanita, M., & Norida, B. (2016). Keperluan Pemegang Kepentingan Institusi Zakat Terhadap Item Maklumat Pelaporan Prestasi. *International Journal of Management Studies*, 23(2), 97-124.
- Norazlina, A. W., & Abdul Rahim, A. R. (2012). Efficiency of Zakat Institutions In Malaysia: An Application of Data Envelopment Analysis 1. *Journal of Economic Cooperation and Development*, 33(1), 95-112.



- Norazlina, A. W., & Abdul Rahim, A. R. (2015). Efficiency of Zakat Institutions and Its Determinants. *Developing Inclusive and Sustainable Economic and Financial Systems*.
- Norfaiezah, S., Chek, D., Ku Nor Izah, K. I., Fathiyah, A. B., Muhammad Syahir, A. W., & Hasnah, S. (2020a). Amalan dan Keperluan Pembentangan dan Pendedahan Penyata Kewangan bagi Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 10(1), 45-61.
- Norli, A., Jamaliah, S., Normah, O., & Rashidah, A. R. (2012). Financial Reporting Disclosure: Evidence from Malaysian Non Profit Organizations. *British Journal of Economics, Finance and Management Sciences*, 4(2).
- Nur Mohamad, K. (2017). Implementation of Zakat on Income Management for Coastal Community Empowerment. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 156(1). doi:doi :10.1088/1755-1315/156/1/012043
- Nurfarahin, R., Roshayani, A., & Nur Farahah, M. P. (2016). *Accountability and Governance Reporting by Non-Profit Organizations*. Paper presented at the SHS Web of Conference.
- Patmawati, I. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2).
- Pg Mohd Faezul Fikri, A. O., Hairunnizam, W., & Mohd Ali, M. N. (2017). Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Kajian di Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). *Jurnal Syariah*, 25(3), 415-452. doi:DOI: 10.22452/js.vol25no3.3
- Raedah, S., Sherliza, P. N., & Siti Normala, S. O. (2017). *Factors Affecting Disclosure Practices of Annual Report Zakat Institutions in Malaysia*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke 12, Bangi: Fakulti Ekonomi & Pengurusan UKM.
- Ram Al Jaffri, S. (2018). *Analisis Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah bagi Tahun 2015 dan 2016*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke 3.
- Roshaiza, T., Nurul Nurhidayatie, M. A., Muhammad Faris, Z., & Muhsin, N. P. (2016). *Disclosure of Zakat Information: Is it Important?* Paper presented at the The Asian Conference on Ethics, Religion & Philosophy.
- Roszaini, M. H., & Mohammad Abdullah, H. (2011). A Theoretical Framework for the Development of the Islamic Perspective of Accounting. *Accounting, Commerce and Finance: The Islamic Perspective Journal*, 6(1 & 2), 1-71.
- Saunah, Z., Ruhaya, A., & Wah, Y. B. (2014). An Empirical Study on the Determinants of Information Disclosure of Malaysian Non-Profit Organizations. *Asian Review of Accounting*, 22(1), 33-55. doi:10.1108/ARA-04-2013-0026
- Shahul Hameed, M. I. (2000). *The Need for Islamic Accounting: Perceptions of its Objectives and Characteristics by Malaysian Muslim Accountants and Accounting Academics*. (PhD), University of Dundee.
- Sheila Nu Nu, H., & Syed Ahmed, S. (2014). Proposed Best Practices of Financial Information Disclosure for Zakat Institutions: A Case Study of Malaysia. *World Applied Science Journal*, 288-294.
- Suhaiza, I., & Nur Barizah, A. B. (2011). Reporting Practices of Malaysian Public Universities: The Extent of Accountability Disclosure. *Journal of Business Management*, 5(15), 6366-6376.